

# Catuan air di Melaka berakhir

Oleh Nazri Abu Bakar

MELAKA: Catuan air menerusi Program Bekalan Air Berjadual yang bermula sejak 29 Januari lalu di negeri ini, berakhir hari ini.

Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dalam kenyataan berkata, bekalan air mula diterima jam 10 pagi secara berperingkat.

“Kesabaran dan kesungguhan semua pihak dalam mengharungi segala kesulitan amatlah kami hargai.

“Teruskan berjimat dan menyokong kami. Terima Kasih semua. Maaf segala kesulitan yang semua hadapi sepanjang program berlangsung,” menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Ketua Menteri, Datuk Sulaiman Md Ali dilaporkan berkata, catuan air di Zon Satu di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin sejak 29 Januari lalu dan catuan di Zon Dua di kawasan tertentu dalam daerah Alor Gajah dimulakan sejak 10 Mac lalu ditamatkan hari ini.

Menurutnya, langkah berkenaan akan memberi manfaat kepada 80 peratus atau 735,221 isi rumah termasuk kawasan perindustrian dan perhotelan.

Beliau berkata, berdasarkan ramalan cuaca Jabatan Meteorologi, fasa peralihan monsun sudah berlalu dan Melaka dijangka menerima kadar hujan lebih baik bagi membantu menaikkan paras empangan dan kolam takungan sedia ada.

“Bagaimanapun, jika taburan hujan kembali tidak konsisten dan paras Sungai Melaka dan Sungai Batang Melaka menurun di bawah paras normal, masing-masing di bawah paras 1.6 meter dan 4 meter, pengguna di Zon Satu dan Zon Dua akan mengalami gangguan bekalan air luar jangka, iaitu mereka menerima tekanan air rendah sebelum bekalan terhenti.

Sehubungan itu, kerajaan negeri dan SAMB perlu mengaktifkan semula catuan air dengan segera apabila paras takungan berada pada tahap kurang 40 peratus dan menunjukkan graf menurun.

Sementara itu penduduk Rashid Dol ,69, gembira catuan berakhir sekali gus memberi kelegaan kepada penduduk yang terpaksa berdepan dengan masalah bekalan air.